

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**  
**[ PERMATANG PAUH ]**

**SOALAN NO. 435**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian dalam memastikan belia serta pelajar sekolah menengah memperoleh pengetahuan pendidikan berkaitan hal ehwal politik untuk meningkatkan literasi politik pengundi muda berikut pindaan Perlembagaan undi 18 ke atas.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Antara langkah yang diambil oleh KPM bagi memastikan belia/murid sekolah memperoleh pengetahuan pendidikan berkaitan hal ehwal politik adalah dengan memberi penekanan pengajaran dan pembelajaran (PdP) tentang Demokrasi dan Perlembagaan bagi setiap murid. KPM telah memasukkan tajuk dan kandungan yang berkaitan dengan Demokrasi dan Perlembagaan dalam kurikulum Sejarah yang sedang dilaksanakan pada masa kini. Tajuk ini diajar kepada murid berbeza-beza mengikut aras dan tahap kebolehan serta keupayaan murid sama ada di sekolah rendah atau sekolah menengah.

Melalui pelaksanaan Pendidikan Sivik, KPM juga memberi pendedahan kepada murid di awal usia sebagai usaha meningkatkan literasi politik pengundi muda dengan membincangkan beberapa tajuk seperti Sistem Demokrasi Berparlimen, Pemupukan Jati Diri, Sistem Raja

Berperlembagaan, Rukun Negara, Semangat Patriotik dan Cintai Malaysia.

Selari dengan perkembangan terkini berikutnya pindaan Perlembagaan undi 18 yang telah diluluskan oleh Parlimen, KPM dengan kerjasama Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) menjalankan sesi sindikasi dan simulasi pemilihan ketua murid melalui mekanisme pilihanraya sebagai projek rintis di sekolah. KPM berpandangan pelaksanaan model pilihanraya yang dikendalikan oleh SPR perlu disesuaikan dengan skop dan tujuan proses pemilihan ketua murid sekolah.

Dapatan sesi simulasi dan program rintis tersebut dijadikan asas kepada penyediaan garis panduan pelaksanaan proses pilihanraya di sekolah bagi tujuan pemilihan ketua murid. Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) yang baharu akan memberikan kebenaran kepada pihak sekolah memperluas penggunaan “*speaker’s corner*” sebagai platform calon pengawas murid mempromosi keupayaan diri dan membentarkan proses pemilihan ala pilihanraya di sekolah. SPI baharu ini akan membatalkan SPI Bil 5 Tahun 2010 yang melarang pilihanraya diadakan di sekolah bagi tujuan pemilihan ketua murid.

Di peringkat pengajian tinggi pula, Kementerian telah mengambil langkah pembaharuan ke atas pelaksanaan Pilihan Raya Kampus (PRK) di universiti awam (UA) melalui kenyataan yang dikeluarkan pada 15 September 2018, membentarkan keterlibatan pelajar dalam pelaksanaan PRK. Pihak pengurusan UA juga telah disarankan untuk menyemak semula tatacara pelaksanaan PRK agar pelajar diberi kebebasan mengendalikan PRK secara telus mengikut acuan kepimpinan mereka.

Kementerian juga telah mengumumkan beberapa perubahan besar di universiti, khususnya bagi memberikan mahasiswa lebih banyak kebebasan berpolitik. Antara perubahan tersebut termasuklah menghapuskan peruntukan undang-undang yang menghalang mahasiswa daripada aktif berpolitik di kampus, serta memberi kuasa kepada mereka

mengendalikan PRK sendiri tanpa campur tangan daripada pentadbiran UA masing-masing.

Dalam konteks ini, ianya tidak melibatkan kepentingan politik mana-mana pihak kerana pelajar diberikan kuasa (empower) untuk mencorakkan hala tuju dan memilih kepimpinan yang dihasratkan oleh mereka. Disamping itu, tiada campur tangan pihak pengurusan universiti di dalam PRK melainkan bantuan prasarana dan bimbingan sekiranya diperlukan oleh pelajar. Walau bagaimanapun, setiap pelajar berdaftar dengan universiti adalah tertakluk kepada perlombagaan, peraturan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.